

Memastikan mutu

B.H 9/5/07 M.S.S

Tiada kompromi aspek keselamatan



Aspirasi

Bersama

Radzi Latif

E-mel: radzilatif@yahoo.com

MINGGU lalu, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengarahkan Jabatan Kerja Raya (JKR) memeriksa serta-merta semua bangunan milik kerajaan. Perdana Menteri mengeluarkan arahan itu berikutan tiga kejadian siling runtuh di bangunan kerajaan dalam tempoh tiga minggu. Jika kejadian itu berpunca daripada masalah penyelenggaraan bangunan, Abdullah sudah berulang kali bercakap mengenai perkara itu, tetapi ia tetap dan terus berlaku.

Tentulah Perdana Menteri marah dan malu terhadap kejadian itu. Ketika beliau bersungguh-sungguh mahu membawa negara ini ke satu tahap yang tinggi dalam segala segi, masalah begitu, terus berlaku yang menggambarkan kepincangan penguurusan dalam sesetengah agensi atau jabatan kerajaan.

Lebih buruk lagi, Malaysia sudah merangka Pelan Induk Industri Pembinaan (CIMP) 2006-2015, menerusi Lembaga Pembangunan Industri Malaysia (CIDB). Malangnya, dalam mengejar matlamat itu sejajar dasar pembangunan negara, keadaan yang memalukan itu tidak dapat dihalang daripada pengetahuan umum. Ketiga-tiga kejadian itu ialah:

- Pada 11 April 2007, operasi di kompleks Ibu Pejabat Jabatan Imigresen di Presint 2, Putrajaya terpaksa ditutup selepas sambungan paip di tingkat tujuh bangunan itu patah menyebabkan limpahan air dan siling runtuh.

- Kira-kira jam 7.10 pagi, 28 April pula, hampir semua kepingan dan kerangka keluli pengikat siling plaster Dewan Serba Guna Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi di kawasan sama, runtuh akibat limpahan air selepas saluran paip sistem perenjis kebakarannya pecah.

- Pada 30 April, beberapa kepingan siling di bilik Setiausaha Mahkamah Tinggi Sivil 6, di Kompleks Mahkamah Jalan Duta, Kua-

la Lumpur, runtuh. Nasib baik, ia baru siap dan belum digunakan.

Tiga kejadian itu sewajarnya tidak dilihat dari perspektif kelemahan budaya penyelenggaraan semata-mata. Sebaliknya, ia perlu dilihat dari perspektif amaran awal terhadap bahaya tersembunyi yang lebih besar yang tidak mustahil akan mengakibatkan kehilangan banyak nyawa.

Persoalannya, apakah bangunan yang baru siap ini hanya sekadar mendedahkan kelemahan kontraktor penyelenggaraan semata-mata? Atau, apakah ia berpunca daripada kecuaiian atau kelemahan pada waktu bangunan itu dibina oleh kontraktor binaan atau sub-kontraktor yang dilantik kontraktor binaan? Kalau benar begitu, apakah kementerian terbabit berkemungkinan gagal mengawasi kualiti kerja kontraktor? Lalu, tidak mungkinkan kementerian terbabit juga terlepas pandang aspek yang lebih serius seperti kemungkinan kelemahan struktur atau reka bentuk bangunan yang disediakan pihak perunding?

Mungkin pihak JKR atau Menteri Kerajaan, Datuk Seri S Samy Vellu beranggapan semua persoalan yang diajukan sebagai sesuatu yang remeh, spekulatif atau hanya fobia yang tidak bertempat. Adalah mustahil Samy Vellu berfikiran demikian jika beliau mengimbas ke belakang dan merenung pelbagai kejadian dan tragedi akibat kelemahan penyemakan dan pemeriksaan reka bentuk dan struktur bangunan.

Korea Selatan, misalnya menyaksikan 500 terbunuh dan 900 cedera parah apabila gedung beli-belah Sampoong runtuh pada Jun 1995, manakala 32 maut pada April 1994 apabila bahagian tengah jambatan Songsu roboh mengakibatkan semua kenderaan yang melaluinya terjunam ke Sungai Han.

Amerika Syarikat juga tidak terkecuali daripada malapetaka akibat kecuaiian manusia dalam menguruskan kerja binaan umpamanya laluan pejalan kaki di Hyatt Regency, Kansas City Missouri runtuh pada Julai 1981 meragut 114 nyawa, manakala 200 mangsa turut cedera.

Ikhtibar daripada pelbagai kejadian yang melanda di merata dunia, rakyat mengharapkan berlaku anjakan paradigma dalam pendekatan dan budaya kerja khasnya

binaan taraf dunia n, penyelenggaraan prasarana awam

yang membabitkan pelbagai bangunan dan prasarana kerajaan.

Pertama, Samy Vellu diharap wajar bertindak proaktif meluaskan skop siasatan ke atas bangunan kerajaan oleh JKR agar mencakupi aspek reka bentuk, struktur, binaan dan penyelenggaraan serta secara telus mengisytiharkan jika ada mana-mana bangunan kerajaan tidak selamat untuk diduduki dan dikunjungi.

Kedua, peranan CIDB perlu disemak dan dirombak. Sewajarnya CIDB diberi tugas bukan saja mengakreditasikan kontraktor utama, tetapi untuk memastikan semua sub-kontraktor diakreditasi dari segi kemahiran dan mutu kerja. CIDB juga perlu dilengkapi kuasa undang-undang untuk memastikan hanya pekerja mahir dan separuh mahir ditauliahkan oleh CIDB layak dibenarkan menjalankan kerja kontrak.

Kuasa undang-undang itu sewajarnya membolehkan CIDB menjalankan pemeriksaan terhadap kerja binaan dan memastikan mana-mana kontraktor yang menggunakan khidmat sub-kontraktor dan khidmat pekerja yang tidak ditauliahkan akan didakwa di mahkamah.

Ketiga, piawai dan prosedur akreditasi pekerja mahir dan separuh mahir perlu disemak dan dibanding dengan organisasi serupa di merata dunia. Ini untuk memastikan taraf akreditasi pekerja mahir dan separuh mahir di dalam industri binaan Malaysia bertaraf dunia. Perangkaan kumulatif sehingga 2006 menunjukkan CIDB sudah mendaftar kira-kira 700,000 pekerja dalam industri binaan, pekerja separuh mahir, pekerja mahir, penyelia tapak binaan, pengurus binaan dan personel pentadbiran membabitkan kira-kira 542,532 rakyat tempatan. Pada masa sama, CIDB juga mendaftarkan kira-kira 157,000 rakyat asing dalam industri itu. Persoalannya adakah mereka diakreditasi setaraf piawai amalan terbaik global?

Keempat, dokumentasi mengenai tugas perunding, pekerja kontrak, pengawas kerja binaan, pemeriksa bangunan sewajarnya dititikberatkan. Ini membolehkan siasatan dilakukan dengan mudah apabila berlaku kerosakan besar atau kemalangan.

Apabila prosedur dan dokumentasi ini dikemas kini, ia menjadi amaran kepada

mana-mana pekerja serta pemeriksa dan pengawas kerja bahawa hasil kerja mereka akan disiasat jika berlaku kemalangan atau kejadian yang mengakibatkan kerugian besar, kecederaan atau pun kematian.

Kelima, peruntukan untuk kos penyelenggaraan bangunan perlu ditetapkan pada paras mencukupi dengan mensepadakan kos pembangunan dan penyelenggaraan di sepanjang jangka hayat sesuatu bangunan. Khidmat penyumberan luar atau outsourcing wajar diperluaskan oleh kerajaan dengan menggunakan khidmat syarikat swasta yang fokus bisnesnya seratus peratus dalam bidang penyelenggaraan atau pengurusan fasiliti.

Tiga kejadian yang mendorong Perdana Menteri mengarahkan siasatan khas oleh JKR ke atas bangunan kerajaan perlu dijadikan titik tolak kepada pembentukan budaya kerja 'bertaraf dunia' dalam industri binaan khususnya membabitkan bangunan kerajaan dan prasarana awam.

Satu aspek yang perlu dipertingkatkan adalah aspek pemeriksaan dan pengawasan kualiti kerja pada semua peringkat pembinaan termasuk peringkat reka bentuk, pembinaan struktur, kerja binaan, peringkat bangunan mula diduduki, penyelenggaraan, ubah suai bangunan dan peringkat bangunan akan dirobohkan akibat sudah usang sekalipun memerlukan pengawasan dan pemeriksaan kualiti kerja.

Penyiasatan ketika kerja pembinaan dijalankan amat penting bagi mengelakkan kontraktor bersikap sambil lewa, menggunakan bahan tidak bermutu dan tidak mengikuti spesifikasi, cuai, lalai yang boleh menyebabkan kecacatan pada rangka dan struktur bangunan.

Selepas bangunan siap, apakah ciri-ciri kelulusan menduduki bangunan (CF) dipatuhi atau adakah kemungkinan rasuah dalam keseluruhan proses pembinaan ini. Ia mungkin satu tuduhan, tetapi ia juga suatu kemungkinan. Demi keselamatan sesuatu bangunan atau premis, tidak ada pihak boleh berkompromi kerana harga yang perlu dibayar amat besar.

Datuk Dr Mohd Radzi Abdul Latif
adalah Presiden Yayasan Kajian
dan Strategi Melayu (YKSM)